

BULETIN UTHM

Bil.10 Oktober 2023 | ISSN 2232-0415



**UTHM sambut kedatangan 2186 pelajar
baharu program ijazah sarjana muda**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM sambut kedatangan 2186 pelajar baharu program ijazah sarjana muda
- 2 MIS 2023 himpun pemegang taruh, bincang hala tuju industri rel negara
- 4 FSKTM terima anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023
- 5 12 pelajar UTHM terima tajaan biasiswa daripada Sena Traffic Systems
- 6 98 pelajar tahun akhir FTK berjaya peroleh Sijil Kompetensi BIM-AR
- 8 Pelajar Siswazah BIM Fakulti Teknologi Kejuruteraan raih tempat pertama 'Best BIM Research Postgraduate'
- 9 UTHM dan Agensi Nuklear Malaysia jalin kerjasama bidang penyelidikan teknologi nuklear
- 11 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





UTHM sambut kedatangan 2186 pelajar baharu program ijazah sarjana muda

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyambut kedatangan 2186 pelajar baharu program sarjana muda pada hari pertama pendaftaran yang bermula pada 1 Oktober 2023.

Jumlah pendaftaran pelajar baharu bagi semester pertama, sesi pengajian 2023/2024 itu dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh rayuan.

Kesemua pelajar baharu yang mendaftar diri di tujuh fakulti akan mengikuti sesi perkuliahan 2023/2024 bermula 8 Oktober ini secara fizikal.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa (MHS) yang berlangsung selama lima hari bermula 1 hingga 5 Oktober ini sebagai persediaan menjadi sebahagian daripada warga UTHM.

Sepanjang minggu tersebut, mereka akan mengikuti pelbagai sesi dan taklimat yang bertujuan untuk mengenali alam kampus dengan lebih dekat antaranya Majlis Bersama Kepimpinan Universiti dan Amanat Naib Canselor serta Ikrar Pelajar, Taklimat Kebajikan dan Pembiayaan Pengajian, Sesi Bersama Ikon Alumni, Sesi Bersama Dekan dan Pengurusan

Fakulti, Taklimat Kursus serta Penasihat Akademik dan Kerjaya, Taklimat Pengetua Kolej Kediaman, Sesi Pendedahan Dengan Industri dan Masyarakat dan Malam Warisan Bangsa.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim bersama Pegawai-pegawai Kanan universiti turut meninjau proses pendaftaran sambil beramah mesra dengan pelajar dan ibu bapa yang hadir menemani.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar yang terpilih mengikuti pengajian di UTHM sekali gus berharap mereka dapat menyahut cabaran menjadi individu yang cemerlang dengan memberi sepenuh tumpuan kepada pembelajaran.

“Gunakanlah segala ruang dan kemudahan yang ada di sini untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman yang ada.

“Saya doakan agar semua pelajar di UTHM ini akan terus menjadi insan yang berjaya dan mampu berbakti kepada agama, bangsa dan tanah air,” katanya.



MIS 2023 himpun pemegang taruh, bincang hala tuju industri rel negara

DAMANSARA - Metro System Academy (MSA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan Simposium Antarabangsa Metro System Academy 2023 yang menghimpunkan hampir 300 peserta pada 10 dan 11 Oktober 2023.

Simposium Antarabangsa Metro System Academy 2023 dianjurkan bertujuan menghimpunkan pemegang taruh terdiri daripada pihak kerajaan, pemain industri, ahli akademik, para penyelidik dan penuntut institut pengajian tinggi bagi membincangkan strategi dan pelan perancangan terkini serta bertukar idea dan pandangan berkenaan hala tuju industri rel negara, keselamatan, bencana alam, hartanah berkaitan rel, penajaan pendapatan, teknologi terbaharu dan masa hadapan.

Hasil perbincangan itu akan dijadikan aspirasi jangka panjang dalam menangani cabaran masa hadapan berkaitan pengangkutan awam darat untuk kelestarian masa hadapan, selaras dengan visi dan misi Malaysia ke arah mencapai status negara maju dan negara yang berpendapatan tinggi berlandaskan Ekonomi Madani.

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook hadir menyempurnakan Majlis Perasmian MSA International Symposium 2023 yang diadakan pada 10 Oktober 2023 bertempat di

MSA, Kwasa Damansara.

Beliau dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada UTHM atas penubuhan MSA yang bertujuan memberi peluang kepada universiti dan industri meningkatkan pembangunan modal insan dalam bidang teknologi rel.

"Saya dimaklumkan 30 hingga 40 graduan akan menjalani latihan di Akademi Rel Metro setiap tahun sebagai sebahagian daripada program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel di UTHM.

"Inisiatif seumpama ini mampu membantu negara memastikan usaha membangunkan bakat Malaysia dapat dijalankan secara berterusan bagi menyokong pertumbuhan pasaran rel," katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim; Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi, Dato' Mohd Sharil Abdullah merangkap Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan universiti serta wakil-wakil industri.

Penganjuran simposium yang bertemakan "Sustainable Rails Rejuvenate Malaysian Economy" itu turut mendapat kerjasama daripada Malaysian Rail Development Corporation

(MRDC), Kementerian Pengangkutan Malaysia, Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp. Sdn. Bhd.), Sarawak Metro Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Gamuda Engineering Sdn. Bhd., Alstom Sdn. Bhd., Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd., Blitz Training & Consultancy Sdn. Bhd. dan Lenovo Technology Sdn. Bhd.

la Lumpur (DBKL), Perbadanan Aset Keretapi (RAC), International Green Trends Cockpit Sdn. Bhd., Blitz Training & Consultancy Sdn. Bhd. dan Lenovo Technology Sdn. Bhd.





FSKTM terima anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023

KUALA LUMPUR - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat rekod kejayaan apabila pertama kali dinobatkan sebagai penerima Anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023 pada 4 Oktober 2023 lalu.

Anugerah Citra sahabat DBP yang diadakan sempena berlangsungnya Hari Inovasi 2023 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada individu, persatuan, syarikat, pertubuhan ataupun agensi yang telah memainkan peranan penting dan berkesan dalam membantu DBP menyebarkan dan memartabatkan bahasa, sastera dan persuratan Melayu.

UTHM dipilih berdasarkan pencapaian terbaik dalam program berimpak yang merupakan projek rintis pertama kerjasama antara DBP-UTHM yang dilaksanakan oleh FSKTM.

UTHM sebelum ini memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan Program Pendigitalan Bahan Terbitan DBP menerusi Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM pada Januari 2023 lalu di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM.

Program tersebut melibatkan inovasi bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) menggunakan bahan terbitan DBP, iaitu lima judul buku terbitan yang

dimigrasikan kandungannya dalam bentuk aplikasi realiti terimbuhan dan permainan digital.

Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM yang diintegrasikan dalam kursus Interaksi Manusia Komputer bagi Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kepujian telah memberi impak yang besar kepada para pelajar yang terlibat terutamanya dalam memperkasakan bahasa Melayu dalam pembelajaran.

Hadiah berupa plak, Kamus Dewan Perdana dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Lim Hui Ying telah diterima oleh Profesor Madya Dr. Noorhaniza Wahid selaku penyelaras program dan Dr. Rahayu A Hamid selaku Ketua Jabatan Multimedia, FSKTM.

"Anugerah ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada UTHM dan FSKTM untuk terus bekerjasama dengan DBP dalam menganjurkan program-program berimpak, yang mampu mendukung bahasa Melayu sebagai bahasa jiwa bangsa dalam PdP," kata Dr. Noorhaniza.



12 pelajar UTHM terima tajaan biasiswa daripada Sena Traffic Systems

BATU PAHAT, 12 Oktober 2023 – Seramai 12 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima tajaan biasiswa daripada Sena Traffic Systems (STS) Sdn. Bhd. selepas kedua-dua pihak menandatangani memorandum perjanjian pada 30 September 2022 lalu.

Pihak STS memperuntukkan RM5000 setiap semester bagi penerima biasiswa peringkat sarjana muda manakala RM4500 bagi biasiswa peringkat diploma yang merangkumi yuran pengajian, penginapan dan sara hidup.

Bagi melayakkan mereka menerima biasiswa, pelajar yang disenarai pendek sahaja dipanggil untuk sesi temuduga oleh Jawatankuasa Pelaksana Biasiswa Sena Traffic Systems (STS) Sdn. Bhd.

Keputusan akhir pemberian biasiswa tersebut ditetapkan oleh pihak STS dan setiap penerima perlu melengkapkan dokumen perjanjian.

Bagi memastikan proses perjalanan lancar, permohonan pelajar UTHM yang berkecukupan juga dibantu oleh Bahagian Penajaan dan Pengurusan Sistem, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Bendahari UTHM.

Untuk rekod, dua pelajar UTHM dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) telah menerima biasiswa STS dengan anggaran keseluruhan berjumlah RM 50,000.

Terkini, bagi sesi Oktober 2023, 10 pelajar yang telah ditawarkan Biasiswa STS bakal menerima nilai biasiswa berdasarkan peringkat pengajian dan baki semester pengajian, berkuatkuasa pada semester 1 2023/2024.

Jumlah keseluruhan biasiswa untuk 10 pelajar tersebut iaitu enam pelajar FKEE, seorang pelajar FKMP, seorang pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan serta dua pelajar Pusat Pengajian Diploma dianggarkan mencecah RM206,000.

Antara kriteria pemilihan calon yang ditetapkan STS adalah, pemohon mestilah warganegara Malaysia, sedang mengikuti pengajian sepenuh masa bagi tahun dua dan ke atas dalam jurusan sains dan kejuruteraan di peringkat ijazah sarjana muda atau diploma, memperolehi keputusan cemerlang minimum iaitu CGPA 3.3 dan tidak menerima sebarang biasiswa/pinjaman daripada mana-mana penaja.

Sekiranya pemohon gagal mengekalkan GPA/CGPA, pihak STS dan UTHM mengikut budi bicara boleh menangguhkan pemberian biasiswa bagi semester seterusnya sehingga pemohon mencapai keputusan yang diperlukan.



98 pelajar tahun akhir FTK berjaya peroleh Sijil Kompetensi BIM-AR

PAGOH – Seramai 98 pelajar tahun akhir Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memperoleh pensijilan kompetensi bagi program *Certificate of Competency Building Information Modelling Autodesk Revit (BIM-AR) 2023* yang diberikan oleh *Professional Industrial Training and Certification (PITC)*.

Jumlah tersebut menjadikan angka keseluruhan mencecah seramai 469 peserta dari dalam dan luar UTHM yang berjaya memperoleh Persijilan Kompetensi BIM di bawah PITC semenjak empat tahun lalu.

Menurut pengarah program, Ts. Dr. Peniel Ang Soon Ern, program yang berlangsung pada 1 hingga 5 Oktober bertempat di Makmal Teknologi Kejuruteraan Awam, UTHM Kampus Pagoh itu bertujuan menyediakan graduan FTK yang berketrampilan dan berkeelayakan dalam Industri Revolusi 4.0, sejajar dengan keperluan industri di Malaysia pada masa kini.

Pelaksanaan program tersebut mendapat kerjasama Bina Initiatives Sdn. Bhd., yang diwakili Pengurus Besar, Ts. N. V. Kumaran; Pengurus BIM, Ts. Hafiz Zaini dan Koordinator BIM, Nasrul Asyraf Badrul Hisham.

Menariknya, untuk penganjuran kali ini para pelajar tahun akhir Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam (JTKA) dibekalkan dengan Modul Kursus BIM lengkap yang telah dibangunkan sendiri oleh tenaga pengajar BIM yang diketuai oleh Ir. Ts. Dr. Mohamad Hairi Osman.

Modul tersebut digunakan sebagai rujukan utama, yang mana para pelajar didedahkan dan diajar secara teori dan praktikal BIM yang memfokuskan kepada elemen reka bentuk struktur bangunan.

Program ini dilaksanakan secara serentak di tiga makmal komputer dengan melibatkan enam tenaga pengajar dan dibantu oleh 14 fasilitator.

Pada hari terakhir, semua pelajar perlu menduduki peperiksaan dan kesemuanya berjaya lulus dengan cemerlang.

PITC telah mengesahkan para pelajar tersebut berkeelayakan memperolehi Sijil Kompetensi dalam *Building Information Modelling Autodesk Revit (BIM-AR) Structural Design* yang diperakukan oleh Bina Initiatives Sdn. Bhd dan persijilan tersebut turut diiktiraf di seluruh dunia.

Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, FTK, Ts. Dr. Abdul Fathul Hakim Zulkifli berkata

beliau mengharapkan agar pihak PITC dapat memperluaskan persijilan ini kepada pelajar UTHM dan pihak luar memandangkan keperluan pasarannya sangat tinggi.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada pihak PITC dan tahniah kepada semua pelajar yang

terlibat dan berharap inisiatif seumpama itu dapat menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran graduan FTK, UTHM.





Pelajar Siswazah BIM Fakulti Teknologi Kejuruteraan raih tempat pertama 'Best BIM Research Postgraduate'

Pelajar Sarjana Teknologi Kejuruteraan, Pung Yi Lin dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tempat pertama dalam 'Best BIM Research Postgraduate' ketika menyertai pertandingan 'Autodesk-JKR Asean Innovation & BIM Awards' yang berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2023 lalu.

Pertandingan anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia yang berlangsung di Sime Darby Convention Center itu disertai 38 orang peserta dari universiti awam dan swasta seluruh Malaysia.

Dalam pertandingan tersebut, dua pelajar pasca siswazah UTHM dari FTK dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) berjaya berada di kedudukan 10 teratas dan seterusnya melayakkan mereka mara ke peringkat akhir.

Pung Yi Lin yang diselia oleh Ts. Dr. Peniel Ang Soon Ern, pensyarah dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam (JTKA) mempertaruhkan projek bertajuk '*JKR Building Information Modelling Project Execution Plans (BPEP) through a Real-Time Mobile Application Platform (MoB-MaS)*.'

Projek tersebut merupakan kolaborasi bersama pihak JKR Malaysia dalam membangunkan sistem pengurusan projek pembinaan secara dalam talian, yang mana sistem itu akan diaplikasikan oleh pihak JKR sebagai sumbangan UTHM kepada industri.

Sementara itu, Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan (TDPPP), FTK, Ts. Dr. Azrin Hani Abdul Rashid mewakili fakulti mengucapkan tahniah atas kejayaan yang diraih di peringkat ASEAN itu.

"Semoga kejayaan seumpama ini dapat menjadi inspirasi kepada semua warga UTHM untuk terus menyumbang dan memperkasakan ilmu kepada masyarakat dan industri.

"Pihak kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Professional Industrial Training and Certification (PITC) atas pelaksanaan program persijilan kompetensi Building Information Modelling (BIM) di FTK sebelum ini," katanya.



UTHM dan Agensi Nuklear Malaysia jalin kerjasama bidang penyelidikan teknologi nuklear

BANGI - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan meneruskan kerjasama sedia ada dengan penyambungan semula memorandum persefahaman (MoU) bersama Agensi Nuklear Malaysia (ANM) yang melibatkan aktiviti penyelidikan dan penyeliaan bersama dalam bidang teknologi nuklear, pengujian tanpa musnah dan lain-lain teknologi berkaitan.

Kerjasama itu juga bakal memberi peluang penempatan latihan industri bagi bakal graduan kejuruteraan serta peluang meningkatkan kompetensi pelajar dan staf melalui kerjasama latihan yang akan turut dipertingkatkan.

Inisiatif tersebut bertujuan merancakkan lagi aktiviti pemindahan ilmu dan kepakaran antara UTHM dan ANM serta menyokong aspirasi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) universiti.

Bagi meneruskan hasrat tersebut, satu majlis pertukaran dokumen yang telah ditandatangani antara UTHM-ANM telah diadakan pada 25 Oktober 2023 bertempat di ANM, Bangi bersempena berlangsungnya Majlis Perasmian Konvensyen

Inovasi dan Teknikal Nuklear Malaysia (NITC) 2023.

UTHM diwakili oleh Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Ir. Dr. Sri Yulis M. Amin yang juga penyelar MoU, manakala ANM diwakili Timbalan Ketua Pengarah, Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, ANM, Dr. Muhammad Rawi Mohamed Zin dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Ruziah Shafei.

Turut hadir, Ketua Jabatan (Jaringan Industri dan Kerjasama Universiti), Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Dr. Raden Mohd Farhan Helmy Raden Ismail serta wakil Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, UTHM, Prof. Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa.

SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kepujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)

JAM KREDIT



125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN

LEPASAN STPM

- ✓ Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

- ✓ Gred C (2.00) Matematik
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

- ✓ Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
- ✓ Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
- ✓ Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains Gunaan
- ✓ **ATAU**
Calon yang tidak memenuhi syarat CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA

Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar

978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usah sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekat kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.

